

w 7 5 85
Lahir dari
keturunan
Temenggung

ALOR SETAR: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilahirkan di Kampung Seberang Perak, Alor Setar Kedah, pada pagi Jumaat 20 Disember 1925 bersamaan 3 Jachadilakhir 1344 H.

Bapanya Mohamad bin Iskandar ialah seorang guru Melayu yang pertama menjawat jawatan Gurubesar di Sekolah Inggeris di negeri jelapang padi itu. Sementara ibunya Wan Tempawan binti Wan Hanafi adalah warisan dari keturunan Wan Su iaitu Datuk Temenggung Kulut, Bukit Lada.

Antara ahli keturunan yang sama dengannya ialah Wan Mohammad Saman, orang yang memperkenalkan sistem terusan di Kedah di mana Terusan Wan Mohammad Saman, Kedah dirakamkan sebagai memperingatinya.

Dr. Mahathir adalah anak bongsu dari sembilan beradik lelaki. Tiga orang dari mereka (dua lelaki dan seorang perempuan) adalah saudara sebapa dengan isteri terdahulu. Sementara Dr. Mahathir bersama tiga orang kakak dan dua orang abang adalah bersaudara seibu dan sebapa.

Dr. Mahathir adalah seorang yang serius, berdisiplin dan berhemah tinggi. Beliau juga tegas dan berterus terang. Kemesraannya menyeluruh dan tetap memihak di pihak benar.